

## **Analisis Perbandingan Pandangan Fuqaha mengenai Syarat Ahliyyah dalam Perkahwinan**

*Comparative Analysis of Fuqaha's Views on the Conditions of Ahliyyah in Marriage*

NURUL AIN HAZRAM, Universiti Malaya  
RAIHANAH AZAHARI, Universiti Malaya

Received: September 01, 2021    Accepted: November 11, 2021    Online Published: December 15, 2021

URL: <http://www.ukm.my/jcil>

### **ABSTRAK**

*Sarak menjadikan penghasilan masalah dan penolakan mafsadah sebagai objektif utama di sebalik setiap pensyariatan. Dalam urusan muamalat sesama manusia, syarak meletakkan syarat tertentu untuk melayakkan seseorang menjalankan sesuatu urusan sesama mereka bagi mengekalkan masalah umum hubungan manusia. Namun berbeza dengan akad perkahwinan, para fuqaha dilihat sedikit longgar dalam meletakkan syarat ahliyyah dalam perkahwinan tidak seperti syarat ahliyyah dalam urusan muamalat. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menjelaskan mengenai pandangan fuqaha dalam meletakkan syarat ahliyyah kepada mereka yang ingin berkahwin, dan mengkaji mengenai hikmah syarak dalam melonggarkan syarat ahliyyah dalam perkahwinan. Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen dengan menganalisis kandungan teks daripada karya fiqh muktabar daripada pelbagai mazhab. Kajian ini tidak tertumpu kepada pandangan tertentu daripada sesuatu mazhab sahaja, malah mengambil kira pandangan fuqaha daripada mazhab yang berbeza bagi menjelaskan dengan lebih terperinci mengenai had umur minimum perkahwinan bagi kanak-kanak dari perspektif syarak secara menyeluruh. Artikel ini menyimpulkan pandangan fuqaha terhadap pensyariatan ahliyyah umur dalam perkahwinan kepada tiga pandangan, iaitu; pandangan majoriti fuqaha yang tidak mensyaratkan umur tertentu sebagai syarat ahliyyah, pandangan fuqaha Mazhab Zahiri yang meletakkan umur baligh sebagai syarat ahliyyah dalam perkahwinan bagi lelaki, dan pandangan fuqaha yang meletakkan syarat ahliyyah umur dalam perkahwinan. Artikel ini merumuskan bahawa kebenaran fuqaha kepada kanak-kanak untuk berkahwin adalah terikat dengan syarat wujudnya masalah dan ternafinya mafsadah dan antara hikmah terbesar syarak melonggarkan syarat berkaitan ahliyyah dalam perkahwinan adalah kerana naluri keinginan manusia adalah berbeza bagi setiap individu.*

*Kata kunci: Perkahwinan Bawah Umur, Ahliyyah, Umur Minimum Perkahwinan, Fiqh Kekeluargaan, Masalah, Mafsadah.*

### **ABSTRACT**

*Sarak makes the preservation of masalah and the prevention of mafsadah as the main objectives behind every provision. In the matter of muamalat among human beings, Shari'ah lays down certain conditions to qualify a person to make deals among themselves to maintain the general masalah of human relationships. However, unlike the marriage contract, the fuqaha are seemed to be a little loose in placing the conditions of ahliyyah in marriage unlike the conditions of ahliyyah in muamalat matters. Therefore, this article aims to explain the views of the jurists in placing the conditions of ahliyyah to those who want to marry and study the wisdom of Islamic law in placing the conditions of ahliyyah in marriage. This study was conducted by using the document analysis method by analyzing the text content and relevant documents from the works of fiqh muktabar from the various schools of fiqh. This study does not focus on specific views from a particular school of fiqh only but also focus on various school of fiqh to explain in detail the minimum age of marriage for children from the perspective of Syarak. This article summarizes the views of the jurists on the requirement of ahliyyah in marriage into three views, namely, the view of the majority of jurists who do not require a certain age as a condition of ahliyyah in marriage, the view of the jurists of Mazhab Zahiri who put puberty as a condition of ahliyyah in marriage for men, and the view of fuqaha who put the condition of certain age as ahliyyah in marriage. This article concludes that the permission of the fuqaha for children to marry is bound by the condition of the existence of masalah and the denial of mafsadah and among the greatest wisdoms of shari'ah by not setting the conditions of ahliyyah strictly in marriage is because human's desire are different for everyone.*

*Keywords: Underage Marriage, Ahliyyah, Minimum Age of Marriage, Islamic Family Law, Masalah, Mafsadah.*

## PENGENALAN

Islam merupakan agama yang syumul dan komprehensif. Islam datang dengan syariat dan panduan yang lengkap bagi kehidupan manusia keseluruhannya. Justeru Islam bukanlah hanya agama yang menekankan soal ritual penghambaan semata-mata, bahkan aspek urusan manusia sesama manusia juga turut diberikan penekanan dalam syariat Islam. Hal ini demikian kerana, hubungan manusia sesama manusia adalah merupakan elemen terpenting bagi memastikan kelestarian kehidupan bermasyarakat yang merupakan satu keperluan manusia dan menjadi asas kepada kekuatan umat Islam. Inilah indahnya agama Islam sebagai satu agama yang sempurna seperti yang difirmankan oleh Allah SWT:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيْتُ لَكُمُ  
الْإِسْلَامَ دِينًا

Maksudnya: "...Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu ugama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi ugama untuk kamu...". (Surah al-Maidah 5: 3)

Menurut Ibn 'Abidin (1992), perbincangan mengenai hubungan sesama manusia di dalam wacana ilmu fiqh dibincangkan oleh para sarjana dalam kerangka yang dikenali sebagai "*mu'āmalāt*", iaitu perbincangan hukum fiqh yang berkaitan dengan perilaku manusia interpersonal yang sekurang-kurangnya berkait rapat dengan lima topik perbincangan besar, iaitu: pertukaran harta, perkahwinan, pengadilan, kontrak-kontrak amanah, dan juga peninggalan harta pusaka.

Namun setelah Ilmu perundangan syarak semakin meluas dan berkembang, setiap cabang hukum yang berkaitan dengan hubungan manusia sesama manusia ini semakin dibincangkan secara khusus dan akhirnya dikategorikan kepada istilah "*munakahat*" atau "*al-ahwal al-shakhsiyyah*" bagi perbincangan mengenai hukum-hukum kekeluargaan seperti pernikahan, perceraian dan seumpamanya. Begitu juga perbincangan mengenai perundangan dan pengadilan dibincangkan dalam kerangka disiplin ilmu yang dikenali sebagai "*al-qada*" dan istilah "*al-mawarith*" pula merujuk kepada perbincangan berkaitan dengan harta pusaka dan peninggalan orang yang meninggal dunia.

Akhirnya istilah "*mu'āmalāt*" yang pada dasarnya digunakan secara umum bagi semua kerangka ilmu yang berkaitan dengan hukum-hukum perhubungan antara manusia dengan manusia, kini istilah "*mu'āmalāt*" lebih khusus merujuk kepada perbincangan hukum-hukum berkaitan dengan transaksi kewangan ('Uthmān Shibīr 2007).

Oleh kerana hubungan interpersonal ini boleh menyebabkan pertelingkahan dan perselisihan di kalangan dua pihak yang terlibat dan seterusnya memberi implikasi negatif terhadap kelestarian kehidupan manusia, maka syariat Islam memberikan

panduan dan pedoman bagi meminimumkan perbalahan yang mungkin boleh berlaku. Oleh itu, "*ahliyyah*" dalam kerangka perbincangan hukum syarak dapat difahami seperti yang disebutkan oleh Qal'aji (1998) sebagai "*syarat kelayakan melakukan sesuatu atau mewajibkan sesuatu ke atas dirinya*", yang menjadi sebagai salah satu prasyarat yang perlu dipenuhi oleh manusia bagi membolehkannya menjalankan urusan sesama mereka.

Prasyarat kelayakan bagi menjalankan sesuatu perjanjian dan persepakatan adalah merupakan satu perkara yang sangat penting bagi memastikan perkara yang dirancangan bersama antara kedua-dua pihak yang berkontrak tersebut terlaksana mengikut apa yang diharapkan dan tidak mengundang kepada risiko-risiko yang tidak diingini.

Secara umumnya orang-orang yang tidak berkelayakan apabila membuat sesuatu keputusan yang tidak matang boleh mengundang risiko-risiko seperti kehilangan harta atau hak yang sepatutnya dia terima, atau menyebabkan dia terpaksa menanggung kerugian yang besar disebabkan keputusan yang salah.

Justeru itu, selari dengan *maqasid* syarak dalam menjaga kemaslahatan kepada agama, jiwa, harta, akal, dan keturunan, maka Islam menetapkan syarat *ahliyyah* untuk menentukan seseorang itu benar-benar berkelayakan untuk membuat sesuatu keputusan atau untuk menanggung sesuatu bebanan tanggungjawab. Hal ini sesuai dengan prinsip syarak yang tidak memberatkan ke atas seseorang melainkan sesuatu yang mampu dipikul olehnya seperti firman Allah SWT:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

Maksudnya: "Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya..." (Surah al-Baqarah 2: 286).

Qal'ajī (1998) juga turut menjelaskan bahawa "*Ahliyyah*" dari sudut terminologi yang digunakan oleh fuqaha terbahagi kepada empat kategori, iaitu; *Ahliyyah al-Iltizām*, yang merujuk kepada kelayakan seseorang untuk mewajibkan sesuatu tanggungjawab ke atas dirinya; *Ahliyyah al-Taṣarruf*, yang merujuk kepada kelayakan seseorang untuk memindahkan hak milik hartanya; *Ahliyyah al-Wujūb*, yang merujuk kepada kelayakan seseorang yang mewajibkan sesuatu kewajipan ke atasnya, dan *Ahliyyah al-Adā'*, yang merujuk kepada kelayakan seseorang untuk menjalankan sesuatu yang berkaitan hukum syarak.

*Ahliyyah al-Iltizām* sebagai contoh boleh dilihat dalam kontrak perjanjian seseorang dengan seseorang yang lain. Hanya mereka yang mempunyai syarat kelayakan yang cukup sahaja boleh mematerai kontrak perjanjian sesama mereka, bagi memastikan perjanjian tersebut tidak membawa kepada kerugian kepadanya.

*Ahliyyah al-Taṣarruf* pula adalah seperti syarat kelayakan yang dikenakan kepada sesiapa yang ingin melakukan urusanniaga kewangan yang melibatkan pertukaran hak milik harta seperti menjual, membeli,

menyewa, menghadiahkan dan seumpamanya. Oleh kerana harta mempunyai kedudukannya yang tersendiri di sisi syarak sehingga menjadi salah satu daripada *al-kulliyat al-khams*, maka wajarlah syarak meletakkan syarat-syarat kelayakan kepada mereka yang ingin menjalankan sesuatu urusan yang melibatkan harta dan wang. Sebagai contoh, di sisi Mazhab Syafie, bagi menjadikan sesuatu urusan jual beli itu sah, maka pihak-pihak yang terlibat dalam urusan jual beli tersebut haruslah sekurang-kurangnya telah mencapai umur baligh. Urusan jual beli yang dijalankan oleh kanak-kanak yang belum baligh adalah tidak sah menurut Mazhab Syafie.

*Ahliyyah al-Wujūb* pula dapat dilihat pada syarat-syarat tertentu yang dikenakan, dan sekiranya seseorang itu mempunyai syarat-syarat tersebut, maka dia diwajibkan untuk melakukan sesuatu kewajipan. Misalnya seperti kemampuan dari sudut fizikal dan material sebagai salah satu syarat kewajipan untuk menunaikan ibadah haji yang merupakan salah satu daripada rukun Islam. Justeru mereka yang tidak mencukupi syarat-syarat wajib ini dikira sebagai tidak wajib untuk menunaikan ibadah haji lagi sehinggalah apabila mereka mencukupi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Manakala *Ahliyyah al-Adā'* pula adalah seperti syarat bersih daripada hadas bagi orang-orang yang ingin menunaikan solat. Syarat-syarat ini turut disebutkan sebagai syarat-syarat sah. Justeru walaupun seseorang itu mencukupi syarat-syarat wajib, dia tidak semestinya sudah mencukupi syarat-syarat sah untuk menunaikan sesuatu kewajipan tersebut.

Artikel ini memfokuskan perbincangan berkaitan *ahliyyah* dalam perkahwinan dan secara khususnya tertumpu kepada pandangan para fuqaha mengenai umur minimum perkahwinan. Justeru itu, fokus kajian ini hanyalah kepada *Ahliyyah al-Adā'*, yang merujuk kepada syarat kelayakan bagi mereka yang ingin mematerai kontrak perkahwinan mengikut pandangan fuqaha.

Jika dilihat kepada syarat *ahliyyah* yang digariskan oleh para fuqaha dalam hukum-hukum berkaitan muamalat secara umumnya, didapati bahawa syarat *ahliyyah* merupakan antara prasyarat terpenting bagi memastikan sesuatu kontrak muamalat tersebut sah dan diterima. Misalnya yang berkaitan dengan syarat umur orang yang berkontrak, fuqaha meletakkan syarat utamanya ialah mesti umur pihak yang berkontrak itu mencapai tahap *mumaiyiz*<sup>1</sup> ataupun mencapai tahap baligh.<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Fuqaha dari kalangan Mazhab Hanafi, Mazhab Maliki berpandangan bahawa kanak-kanak yang sudah mencapai tahap umur *mumaiyiz* dikira berkelayakan untuk menjalankan sesuatu transaksi kewangan. Namun begitu, mereka meletakkan syarat umur baligh bagi memastikan transaksi tersebut dikira mengikat dan terlaksana. ('Alā' al-Dīn Za'tariy 2010).

<sup>2</sup> Mengikut pandangan yang muktamad dalam Mazhab Syafei dan juga Mazhab Hanbali, syarat sah sesuatu transaksi kewangan yang dijalankan mestilah daripada

Namun begitu, majoriti fuqaha dilihat sedikit longgar berkaitan syarat *ahliyyah* dalam perkahwinan; dengan tidak meletakkan umur minimum sebagai syarat kelayakan. Dalam erti kata yang lain, perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak yang belum baligh adalah sah di sisi Syarak, dan hal ini adalah berbeza dengan urusan jual beli yang melibatkan kanak-kanak yang belum baligh adalah tidak sah. Bahkan selain itu, tahap kewarasan akal juga tidak diletakkan sebagai prasyarat untuk menjadikan sesebuah akad perkahwinan itu sah (al-Zuhaily 2008). Ini bermaksud perkahwinan dengan kanak-kanak yang belum *mumaiyiz* adalah dibenarkan.

Hal ini secara umumnya adalah disebabkan tiada nas dalil yang spesifik berkaitan penetapan umur minimum perkahwinan yang menyebabkan para sarjana berbeza pandangan mengikut ijtihad masing-masing dalam menentukan hukum fiqihy bagi perkahwinan bawah umur ini.

Justeru, artikel ini ditulis bertujuan untuk mengkaji pandangan fuqaha dalam meletakkan syarat *ahliyyah* kepada individu yang ingin berkahwin, dan seterusnya cuba untuk meneroka mengenai hikmah syarak dalam melonggarkan syarat *ahliyyah* yang terdapat di dalam hukum perkahwinan. Kajian ini tidak terhad kepada pandangan fuqaha daripada mazhab tertentu, bahkan ianya membincangkan isu ini secara meluas dengan mengambil kira pandangan para fuqaha daripada mazhab-mazhab lain. Perbincangan ini dilakukan secara meluas dengan mengambil kira pandangan pelbagai Mazhab supaya hasil daripada perbincangan ini dapat menjadi panduan kepada pembaca mengenai had umur minimum perkahwinan bagi kanak-kanak dari perspektif syarak.

## KAJIAN LITERATUR

Kajian mengenai perkahwinan bawah umur ini secara umumnya telah mendapat tempat dan menjadi antara tajuk yang sering dibincangkan oleh para sarjana dari pelbagai perspektif, sama ada di dalam Malaysia ataupun di negara-negara lain. Rachel Kidman (2017) antaranya mengkaji mengenai amalan perkahwinan bawah umur yang berlaku dalam masyarakat dunia hari ini. Kajian beliau ini mendapati bahawa seramai 34% wanita muda yang berusia 20-24 tahun telah pun berkahwin sebelum mereka berusia 18 tahun dan 12% daripada mereka telah pun berkahwin sebelum mereka mencapai usia 15 tahun dalam tempoh tahun 2000-2011. Kajian ini juga turut mendapati bahawa statistik amalan perkahwinan bawah umur yang tertinggi adalah yang berlaku di Asia Selatan dan Afrika sub-Sahara.

Walaupun amalan perkahwinan bawah umur di Malaysia telah lama ditinggalkan oleh masyarakat

orang yang telah mencapai umur baligh. Manakala transaksi kewangan yang dilakukan oleh kanak-kanak yang belum mencapai umur baligh adalah tidak sah. Rujuk (Al-Zuhaily 2008).

secara umumnya, namun kajian Noor Aziah dan Al-Adib Samuri (2018) melaporkan bahawa pada tahun 2010 jumlah kanak-kanak perempuan yang berkahwin pada umur dalam lingkungan 15 tahun hingga 19 tahun meningkat sebanyak 1.4 peratus berbanding pada tahun 2000 iaitu sebanyak 1.2 peratus.

Namun setelah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (1948) mengeluarkan deklarasi yang menyatakan bahawa seseorang yang hendak berkahwin mestilah mempunyai pemikiran yang matang dan dapat membuat keputusan dengan tepat terlebih dahulu, amalan perkahwinan bawah umur mula dilihat sebagai satu amalan yang tidak lagi bersesuaian dengan masyarakat manusia pada hari ini, lebih-lebih lagi setelah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sekali lagi bersidang dan menggariskan *Convention on the Rights of the Child* (2003) yang akhirnya menetapkan umur 18 tahun sebagai umur minimum untuk membolehkan seseorang berkahwin.

Kebanyakan penyelidik kontemporari yang mengkaji mengenai amalan perkahwinan bawah umur ini menyimpulkan bahawa amalan ini membawa kemudaratan kepada kanak-kanak dan tidak lagi sesuai untuk diamalkan. Eucharika Nchedo Aye, et. al (2018) dalam kajian mereka menjelaskan bahawa amalan perkahwinan bawah umur ini akan menyebabkan ternafinya hak kanak-kanak yang berkahwin untuk mendapatkan pendidikan yang sempurna, selain daripada mereka juga turut untuk berisiko menjadi mangsa keganasan rumahtangga.

Begitu juga Sultana dan Abdussalam (2017) dalam kajian mereka mendapati bahawa perkahwinan bawah umur memberi kesan yang negatif terhadap kesihatan dan kesejahteraan kanak-kanak perempuan yang dikahwini. Kajian mereka ini turut mendapati bahawa kebanyakan kanak-kanak perempuan yang dikahwini menghadapi kemurungan selain berpotensi menjadi mangsa keganasan rumahtangga disebabkan oleh jurang umur antara pasangan adalah ketara dan kanak-kanak perempuan yang dikahwini kebiasaannya mudah dipengaruhi oleh pasangan mereka.

Walaupun kebanyakan sarjana berpandangan bahawa amalan perkahwinan bawah umur ini dapat mengundang pelbagai mafsadah dan keburukan, namun terdapat juga sebahagian sarjana yang melihat dari sudut positif dan kebaikan yang boleh tercapai melalui perkahwinan ini. Stein J.S. (2013) antaranya melihat bahawa perkahwinan bawah umur sekurang-kurangnya dapat mengelakkan kelahiran anak di luar hubungan perkahwinan yang sah.

Nor Jana Saim, et al (2018) dalam dapatan kajian mereka mengenai perkahwinan remaja di Kuching, Sarawak mendapati bahawa perkahwinan bawah umur juga boleh mendatangkan manfaat. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan remaja di Sarawak berpendapat bahawa perkahwinan usia muda membawa banyak manfaat antaranya dapat mengelakkan maksiat selain menjadikan mereka

lebih berdikari, dapat memupuk sikap sabar, membina sikap tanggungjawab dan sentiasa positif.

Dari sudut penyelidikan hukum Islam pula, perbincangan mengenai hukum perkahwinan bawah umur ini bukanlah suatu perkara yang baharu, lebih-lebih lagi amalan ini tidak bercanggahan dengan amalan dan adat orang-orang Arab dahulu. Justeru itu isu perkahwinan bawah umur tidaklah dibahaskan secara spesifik oleh para ulama silam.

Namun setelah isu ini mendapat tempat dalam perbincangan golongan intelektual, beberapa kajian khusus berkaitan isu perkahwinan bawah umur mula dikaji secara spesifik oleh para sarjana kontemporari. Lebih-lebih lagi apabila sebahagian masyarakat melihat perkahwinan bawah umur ini sebagai sesuatu yang tidak bercanggahan dengan syarak. Fathoni (2017) misalnya melaporkan bahawa perkahwinan bawah umur sering terjadi kerana masyarakat menganggap bahawa kanak-kanak yang telah mencapai usia baligh harus segera dikahwinkan bagi mengelakkan kemudaratan.

Dari sudut isu perundangan Islam di Malaysia pula, terdapat juga kajian yang berkaitan, seperti kajian mengenai isu konflik antara kuasa wali mujbir dalam menikahkan anak perempuan bawah umur dan penentuan umur minimum perkahwinan bagi kanak-kanak perempuan oleh undang-undang keluarga Islam iaitu 16 tahun. Dapatan daripada kajian Fatimah dan Madidah (2011) ini menunjukkan bahawa walaupun syarak telah memberi kuasa ijbar (paksa) kepada wali mujbir untuk mengahwinkan anak atau cucunya, namun kuasa ini hanya berhak digunakan setelah menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia.

Begitu juga terdapat kajian-kajian yang membincangkan mengenai isu penetapan had minimum perkahwinan seperti yang dihidkan oleh undang-undang keluarga Islam di Malaysia. Kajian Zanariah (2013) umpamanya mendapati bahawa penetapan had umur minimum perkahwinan dan pemberian kuasa kepada Mahkamah samada mahu meluluskan perkahwinan di bawah umur minimum adalah wajar dan bersesuaian dengan keadaan semasa di Malaysia. Beliau juga turut mencadangkan agar permohonan perkahwinan di bawah had umur minimum perlu disertakan bukti perubahan bahawa pihak yang berusia di bawah umur minimum berkenaan telah mencapai tahap baligh dan mampu serta bersedia untuk hubungan kelamin.

Berdasarkan kepada tinjauan literatur yang dijalankan ini, pengkaji belum mendapati kajian khusus secara spesifik yang membincangkan mengenai aspek *ahliyyah* atau syarat umur minimum bagi membenarkan seseorang untuk berkahwin. Justeru, kajian ini cuba untuk menganalisis pandangan fuqaha silam berkaitan dengan syarat umur minimum perkahwinan, serta meneroka hikmah syarak melonggarkan aspek penetapan umur minimum dalam syarat perkahwinan ini.

## METODOLOGI KAJIAN

Oleh kerana penulisan ini melibatkan penyelidikan hukum Islam, maka penulisan ini dijalankan dengan menggunakan kaedah analisis dokumen dengan menganalisis kandungan teks daripada kitab-kitab fiqh muktabar daripada pelbagai mazhab terutamanya empat mazhab-mazhab fiqh dan juga karya-karya *uṣūl al-fiqh* yang muktabar selain menjadikan Al-Quran dan Sunnah sebagai rujukan dan sumber utama.

## PERBINCANGAN

Penulisan artikel ini dimulakan dengan perbincangan mengenai pandangan para fuqaha mengenai syarat *ahliyyah* dalam perkahwinan, dan pandangan mereka mengenai umur minimum yang dibenarkan untuk berkahwin, serta dalil-dalil yang menjadi hujah sandaran bagi setiap pandangan yang dikemukakan oleh para fuqaha. Walaupun terdapat juga aspek *ahliyyah* yang lain selain daripada *ahliyyah* umur seperti berakal dan sebagainya, namun kajian ini hanya memfokuskan kepada aspek *ahliyyah* umur sahaja untuk dibincangkan.

Penulis seterusnya akan menganalisis setiap pandangan fuqaha, dan seterusnya cuba untuk *mentarjih*kan pandangan-pandangan yang ada, seterusnya akan cuba menyelidiki hikmah di sebalik syarat *ahliyyah* dalam perkahwinan yang lebih longgar berbanding syarat *ahliyyah* dalam hukum-hukum muamalat yang lain.

### Syarat *Ahliyyah* (Umur) dalam Perkahwinan

Para fuqaha bersepakat bahawa “suami dan isteri” adalah merupakan rukun utama dalam perkahwinan, bahkan pastinya tidak terbayang wujudnya perkahwinan tanpa suami dan isteri, ataupun salah seorang daripada mereka. Walaupun secara umumnya majoriti fuqaha, bahkan terdapat dari kalangan sarjana seperti Ibn al-Mundhir yang menganggap bahawa para ulama bersepakat (ijmak) terhadap keharusan dan sahnya perkahwinan kanak-kanak seperti yang disebutkan oleh al-Zuhaili (2008), namun hakikatnya mereka berbeza dari sudut syarat-syarat dan perincian mengenai keharusan perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak.

Fuqaha dari kalangan Mazhab Hanafi seperti yang disebutkan oleh Al-Kāsāniy (1986) membezakan syarat *ahliyyah* kanak-kanak dalam perkahwinan dengan mengkategorikan kepada syarat sah dan syarat laksana (*luzūm*). Menurut mereka, *ahliyyah* kanak-kanak dalam perkahwinan hanyalah dianggap sebagai *ahliyyah qāṣirah* (kelayakan terbatas) yang hanya merupakan syarat kepada sah akad perkahwinan sahaja, dan bukan terlaksana sepenuhnya. Justeru, perkahwinan kanak-kanak yang belum mencapai tahap umur baligh adalah sah, namun bagi memastikan akad pernikahan tersebut terlaksana dan mengikat hak-hak yang berkaitan

dengannya, maka perkahwinan tersebut mestilah mendapat kebenaran daripada pihak wali kepada kanak-kanak tersebut dahulu (al-Zuhaili 2008).

Namun perlu difahami juga seperti yang disebutkan oleh Al-Kāsāniy (1986) bahawa “wali” tidak terkira sebagai rukun dalam akad perkahwinan di sisi Mazhab Hanafi. Namun oleh kerana kanak-kanak bawah umur ini hanya memiliki *ahliyyah qāṣirah* (kelayakan yang terbatas), maka akad perkahwinan tersebut memerlukan kepada wali yang mempunyai *ahliyyah kāmīlah* (kelayakan penuh) dalam menentukan akad perkahwinan tersebut terlaksana.

Fuqaha Mazhab Maliki seperti yang disebutkan oleh al-Ṣāwiy (t.th.) pula meletakkan syarat sahnya perkahwinan kanak-kanak adalah dengan mendapat persetujuan daripada bapanya sendiri terlebih dahulu, ataupun pemegang amanah yang telah diamanahkan oleh bapanya, ataupun mendapatkan kebenaran daripada pemerintah. Hal ini demikian kerana kanak-kanak yang masih belum mencapai umur baligh adalah dianggap sebagai masih tidak matang, dan memerlukan kepada wali-walinya untuk membuat keputusan yang besar seperti membuat keputusan untuk berkahwin.

Manakala fuqaha Mazhab Syafie seperti yang disebutkan oleh al-Khaṭīb Al-Sharbīniy (1994) pula berpandangan bahawa hanya bapa kandung semata-mata yang memiliki hak dalam mengahwinkan anaknya yang masih kecil, bahkan fuqaha Mazhab Syafie lebih ketat dalam meletakkan syarat-syarat berkaitan perkahwinan kanak-kanak yang masih kecil, antaranya mereka mensyaratkan supaya; tidak ada permusuhan yang jelas antara bapa tersebut dan anaknya, anak perempuannya itu dikahwinkan dengan orang lelaki yang sekufu, dikahwinkan dengan mahar yang setara dengan kedudukannya (*mithliyy*), mas kahwin tersebut dibayar dengan menggunakan duit yang digunakan di kawasan tersebut, suaminya tersebut tidak sukar dan susah untuk menyediakan mas kahwin tersebut, tidak boleh dikahwinkan dengan orang yang boleh memberikan mudarat secara zahirnya terhadap kehidupannya, seperti berkahwin dengan orang buta, orang terlampau tua atau seumpamanya, dan kanak-kanak wanita tersebut belum sampai ke tahap yang wajib menunaikan Haji.

Jika dilihat kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh fuqaha Mazhab Syafie ini, hakikatnya syarat-syarat yang ditetapkan tersebut tidak lain hanyalah semata-mata untuk menjaga kemaslahatan bagi kanak-kanak yang berkahwin, dan menolak semampu yang mungkin segala kemudahan yang boleh berlaku.

Walaupun fuqaha Mazhab Syafie berpandangan bahawa akad nikah yang dilakukan oleh kanak-kanak dikira sah di sisi syarak, namun perkara ini adalah tidak digalakkan seperti mana yang telah difatwakan dalam Mazhab Syafie, seperti yang dinyatakan oleh al-Nawawiy (1996). Justeru dapat difahami daripada pandangan Mazhab Syafie ini bahawa perkahwinan

bawah umur secara dasarnya adalah sah dan tiak bertentangan dengan syarak, namun kemudaratan-kemudaratan yang mungkin boleh terjadi disebabkan perkahwinan bawah umur ini menyebabkan amalan ini tidak dianjurkan untuk dilakukan.

Pandangan yang muktamad dalam Mazhab Hanbali pula seperti yang dinyatakan oleh Ibn Qudamah (1968) hanya membenarkan bapa kandung sahaja untuk menjadi wali dalam perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak yang belum mencapai umur baligh. Hal ini demikian kerana, hanya bapa kandung sahaja yang benar-benar memahami anaknya itu, dan seterusnya bapa kandung yang akan menanggung apa yang berlaku terhadap anaknya itu setelah mendirikan rumahtangga. Berbeza dengan wali-wali lain yang lebih jauh kedudukan mereka daripada kedudukan seorang bapa dengan anak kandungnya.

Justeru secara umumnya, berdasarkan kepada pandangan yang muktamad dalam mazhab-mazhab fiqh yang muktabar ini, dapat dirumuskan bahawa majoriti fuqaha berpandangan bahawa sah bagi kanak-kanak untuk melangsungkan perkahwinan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Justeru itu menurut pandangan majoriti fuqaha, umur bukanlah menjadi syarat *ahliyyah* sahnya akad perkahwinan. Seorang lelaki ataupun perempuan boleh melangsungkan perkahwinan walaupun dalam keadaan umur yang belum mencapai tahap baligh dengan syarat-syarat yang telah dinyatakan oleh para fuqaha.

Sungguh pun begitu, terdapat juga pandangan fuqaha yang menolak perkahwinan kanak-kanak yang masih belum mencapai umur baligh, dan meletakkan bahawa syarat umur baligh merupakan *ahliyyah* dalam akad perkahwinan. Antara fuqaha yang berpandangan sedemikian seperti yang dinyatakan oleh Şiddiq Sulaymān (2018) adalah Ibn Shubrumah,<sup>3</sup> Abu Bakr al-Aşamm, ‘Uthmān al-Battiy dan lain-lain.

Para sarjana Islam kontemporari juga turut berbeza pandangan dalam hal ini sehingga membawa kepada perbezaan pandangan dalam kalangan mereka terutamanya dalam membincangkan mengenai penentuan umur minimum perkahwinan. Perbezaan pandangan ini misalnya dapat dilihat pada pandangan Yūsuf al-Qaradāwiy (2020) yang mencadangkan agar penentuan tahap umur minimum perkahwinan diperkenalkan. Majma’ al-Fiqh al-Islāmiy al-Duwalīy dalam resolusi ke-217 (1/23) juga turut menjelaskan bahawa tidak ada nas syarak yang jelas dalam penentuan had umur perkahwinan, namun begitu resolusi tersebut turut mencadangkan penentuan had minimum perkahwinan sekurang-kurangnya 15 tahun dan ke atas.

Selain itu, terdapat sebahagian fuqaha yang membezakan hukum perkahwinan kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan. Antaranya ialah

fuqaha daripada Mazhab Zahiri seperti yang disebutkan oleh Ibn Hazm (t.th.) yang berpandangan bahawa akad perkahwinan kanak-kanak perempuan dengan lelaki dewasa sahaja yang sah, manakala kanak-kanak lelaki tidak boleh menjadi orang yang menjalankan akad nikah (*al-‘āqid*). Justeru, fuqaha Mazhab Zahiri hanyalah mensyaratkan *ahliyyah* umur kepada kanak-kanak lelaki sahaja untuk melakukan akad perkahwinan.

Pandangan Mazhab Zahiri ini adalah dengan melihat kepada perbezaan tanggungjawab dan kewajipan yang dipikul antara suami dan isteri. Oleh kerana suami memikul tanggungjawab yang lebih besar untuk memberi nafkah dan menyara kehidupan isteri dan keluarga mereka, maka wajarlah dikenakan syarat yang lebih ketat kepada golongan lelaki agar mereka benar-benar dapat menunaikan tanggungjawab mereka setelah berkahwin nanti. Manakala golongan isteri pula tidak dibebani seperti apa yang dibebankan kepada golongan suami. Bahkan golongan wanita dalam perkahwinan sebenarnya lebih menjamin kepada kemaslahatan wanita tersebut, kerana suami bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjaga isterinya.

Berdasarkan kepada pandangan fuqaha mengenai *ahliyyah* umur dalam akad perkahwinan ini, maka boleh disimpulkan pandangan fuqaha mengenai hukum perkahwinan kanak-kanak kepada 3 pandangan seperti berikut: Pandangan pertama yang berpandangan bahawa perkahwinan kanak-kanak yang belum mencapai umur baligh adalah sah mengikut syarat-syarat yang ditetapkan, pandangan kedua pula berpandangan bahawa perkahwinan kanak-kanak adalah tidak sah, dan pandangan ketiga membezakan antara hukum perkahwinan kanak-kanak lelaki dan hukum perkahwinan kanak-kanak perempuan.

Majoriti fuqaha yang berpandangan bahawa sah perkahwinan kanak-kanak yang masih belum mencapai umur baligh mengikut syarat-syaratnya adalah berpandukan kepada hujah-hujah daripada Quran, Hadis, *Qiyās*, Ijmak, dan juga contoh yang dilakukan oleh sebahagian Sahabat (*af’āl ṣaḥābah*). Antara dalil utama daripada nas Quran dan Hadis yang menjadi asas kepada pandangan pertama ini adalah pensyarian perkahwinan secara umum kepada lelaki dan perempuan, tanpa membezakan sama ada kanak-kanak ataupun yang sudah dewasa (al-Zuhailiy, 2008). Ayat-ayat berkaitan perintah perkahwinan ini dapat dilihat antaranya pada firman Allah SWT:

وَأَنْكِحُوا الْأَيَامَىٰ مِنْكُمْ

Maksudnya: Dan kahwinkanlah orang-orang bujang (lelaki dan perempuan) dari kalangan kamu... (Surah al-Nūr 24: 32)

Selain daripada nas-nas yang umum seperti ayat di atas ini, terdapat juga nas Quran yang menyebut mengenai idah orang perempuan yang diceraikan oleh suaminya dalam keadaan perempuan tersebut masih belum baligh lagi kerana masih tidak

<sup>3</sup> Beliau adalah ‘Abd Allāh bin Shubrumah, seorang yang alim dan faqih, merupakan Qādī di Kufah pada zamannya. Beliau meninggal dunia pada tahun 144h. (Al-Dhahabiy 2001).

mempunyai haid. Hal ini disebutkan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

وَاللَّائِي يَئِسْنَ مِنَ الْمَحِيضِ مِنْ نِسَائِكُمْ إِنِ ارْتَبْتُمْ فَعِدَّتُهُنَّ ثَلَاثَةَ  
أَشْهُرٍ وَاللَّائِي لَمْ يَحْضُنَّ

Maksudnya: Dan perempuan-perempuan dari kalangan kamu yang putus asa dari kedatangan haid, jika kamu menaruh syak (terhadap tempoh idah mereka) maka idahnya ialah tiga bulan; dan (demikian) juga idah perempuan-perempuan yang tidak berhaid... (Surah al-Talāq 65: 4)

Al-Ṭabariy (1988) ketika menafsirkan ayat ini menjelaskan bahawa yang dimaksudkan daripada “orang perempuan yang tidak berhaid” ini adalah orang-orang perempuan yang masih kecil sebelum mereka memasuki umur baligh. Hal ini demikian kerana, di penghujung ayat tersebut ada menerangkan mengenai idah bagi golongan wanita tua yang juga sudah tidak mempunyai haid. Maka, jika ayat “orang perempuan yang tidak berhaid” dalam ayat ini merujuk kepada wanita yang telah tua, akan berlaku pengulangan ayat yang memberi maksud yang sama dalam ayat ini.

Berdasarkan kepada ayat ini, sekiranya kanak-kanak kecil tidak sah berkahwin, maka pastinya Allah SWT tidak akan menjelaskan mengenai idah bagi kanak-kanak perempuan yang dicerai oleh suaminya. Justeru oleh kerana hukum perkahwinan ini adalah sah di sisi syarak, maka syarak menetapkan tempoh idah kepada kanak-kanak perempuan juga kerana mereka juga boleh berkahwin.

Pandangan ini juga turut disokong oleh ayat Quran lain yang merujuk kepada kebenaran untuk berkahwin dengan anak yatim. Seperti yang sedia maklum juga, terminologi “anak yatim” di sisi syarak adalah untuk mereka yang belum mencapai umur baligh, seperti yang disabdakan oleh Rasulullah SAW: “tidak dikira sebagai yatim setelah bermimpi”. Justeru, secara tidak langsungnya ayat ini mengharuskan perkahwinan kanak-kanak yang belum mencapai umur baligh. Firman Allah SWT berkenaan hal ini:

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَانكِسُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ  
النِّسَاءِ...

Maksudnya: Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain)... (Surah al-Nisā’ 4: 3)

Berpanduan kepada ayat di atas, jelas di sini bahawa syarak memberikan kebenaran kepada anak-anak yatim untuk berkahwin, dan pastinya anak-anak yatim tersebut adalah kanak-kanak yang berada di bawah umur, seperti yang dijelaskan dalam hadis tadi.

Selain itu, Ibn Qudamah (1968) menyatakan bahawa pandangan ini juga adalah bersandarkan apa yang dilakukan oleh Rasulullah SAW sendiri ketika Baginda SAW mengahwini ‘Aishah dalam keadaan

beliau yang masih kecil. Perkara ini disebutkan sendiri oleh ‘Aishah dalam meriwayatkan hadis mengenai perkahwinan beliau dan Rasulullah SAW:

تَزَوَّجَنِي النَّبِيُّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - وَأَنَا ابْنَةُ سِتٍّ، وَبَنِي  
بِي وَأَنَا ابْنَةُ تِسْعٍ

(Sunan Abi Dawud, 2873)

Maksudnya: Nabi SAW mengahwinku dalam keadaan aku seorang anak perempuan yang berumur 6 tahun. Dan Baginda bersama denganku pada umur 9 tahun.

Jika kanak-kanak tidak dibenarkan berkahwin oleh syarak sehingga dia meningkat dewasa, pastinya Rasulullah SAW tidak akan berkahwin dengan ‘Aishah melainkan selepas beliau dewasa. Hal ini juga tidak boleh dianggap sebagai *khuṣūṣiyyāt* Nabi SAW seperti yang disebutkan oleh Ibn Qudamah (1968) kerana amalan ini turut dilakukan oleh sebahagian Sahabat, seperti yang dilakukan oleh ‘Aliy apabila mengahwinkan anak beliau Umm Kalthūm ketika masih kecil kepada ‘Umar al-Khattāb. Sudah pasti Rasulullah SAW sendiri akan menjelaskan mengenai hukum perkahwinan bawah umur sekiranya amalan ini bertentangan dengan syarak.

Selain itu, pandangan pertama ini turut dikuatkan dengan dakwaan ijmak ulama seperti yang dinyatakan oleh Ibn al-Mundhir (2004) mengenai keharusan seorang wali yang mengahwinkan anak perempuannya dengan lelaki yang sekuflu dengannya, dan juga harus hukumnya bagi bapa untuk mengahwinkan anak lelakinya yang masih kecil. Seperti mana jelas nas-nas syarak yang membenarkan perkahwinan kanak-kanak perempuan tanpa disyaratkan *ahliyyah* umur, begitu juga *diqiyā*kan kanak-kanak lelaki juga diharuskan untuk berkahwin tanpa syarat *ahliyyah* umur.

Asas utama kepada pandangan kedua pula yang menyatakan bahawa tidak sah perkahwinan kanak-kanak yang masih kecil sehinggalah sampai kepada satu tahap umur minimum bagi membolehkannya untuk berkahwin adalah berdasarkan daripada petikan ayat Quran daripada firman Allah SWT:

حَتَّىٰ إِذَا بَلَغُوا النِّكَاحَ

Maksudnya: Dan ujilah anak-anak yatim itu (sebelum baligh) sehingga mereka cukup umur (dewasa)... (Surah al-Nisā’ 4: 6)

Ayat di atas menunjukkan kewajiban menjaga anak-anak yatim sehingga mereka mencapai “umur berkahwin”. Apabila ayat ini meletakkan tahap umur minimum bagi anak-anak yatim perlu dijaga dan diawasi sehingga “sampai umur berkahwin”, maka ayat ini seolah-olahnya mengakui wujudnya had umur minimum sebagai *ahliyyah* syarat seseorang untuk membolehkan dia berkahwin. Al-Sarakhsiy (1993) berhujah berdasarkan ayat ini bahawa sekiranya syarak tidak menetapkan apa-apa had umur minimum untuk berkahwin, maka tiada faedahlah ayat tersebut menyebutkan “umur berkahwin”.

Justeru, pastinya ada satu ketetapan umur tertentu yang boleh dikategorikan sebagai umur berkahwin.

Manakala hujah-hujah yang mendasari pandangan ketiga ini pula seperti yang disebutkan oleh Ibn Hazm (t.th.) adalah hujah-hujah yang sama yang menjadi asas kepada pandangan pertama. Jika diteliti kepada nas-nas yang berkaitan, kita akan dapati nas-nas tersebut secara khususnya merujuk kepada kanak-kanak wanita yang berkahwin. Justeru itu, keharusan perkahwinan bawah umur ini hanyalah dikhususkan kepada mereka sahaja. Tambahan pula, literal nas dan amalan yang dilakukan oleh Nabi dan sebahagian sahabat hanyalah merujuk kepada perkahwinan kanak-kanak perempuan sahaja dan bukannya kanak-kanak lelaki.

#### Rumusan Pandangan-Pandangan Fuqaha

Selepas meneliti kepada dalil-dalil bagi setiap pandangan fuqaha dalam permasalahan perkahwinan bawah umur, pandangan ketiga yang mensyaratkan *ahliyyah* umur hanyalah kepada orang lelaki sahaja adalah lebih kuat berbanding pandangan yang lain. Manakala bagi kanak-kanak perempuan pula, dibolehkan untuk berkahwin walaupun masih belum baligh dengan syarat-syarat yang dikemukakan oleh fuqaha.

Asas kepada pemilihan pandangan ini adalah kerana nas-nas daripada Quran dan Sunnah jelas menunjukkan perkahwinan kanak-kanak perempuan yang masih kecil dianggap sah. Manakala kanak-kanak lelaki walaupun boleh *diquyāskan* kepada kanak-kanak perempuan dari sudut keharusan mereka berkahwin tanpa ada *ahliyyah* umur, namun hakikatnya terdapat perbezaan yang besar antara suami dan isteri dalam memikul amanah dan tanggungjawab sebagai ketua keluarga.

Justeru itu, adalah lebih munasabah untuk menetapkan syarat *ahliyyah* umur kepada orang lelaki untuk berkahwin, kerana implikasi selepas perkahwinan ini adalah besar kepada kaum lelaki yang mana ianya memerlukan kepada kematangan ilmu dan pengalaman.

Manakala dakwaan yang dinyatakan oleh Ibn al-Mundhir bahawa berlakunya ijmak para ulama mengenai keharusan berkahwin bagi kanak-kanak lelaki dan perempuan yang mendapat kebenaran daripada walinya adalah tertolak seperti yang telah dinyatakan kerana terdapat pandangan-pandangan ulama lain<sup>4</sup> yang menolak perkahwinan kanak-kanak yang masih belum mencapai umur baligh.

Sungguh pun begitu, perlulah difahami bahawa keharusan kanak-kanak perempuan berkahwin tanpa terikat dengan syarat *ahliyyah* umur ini adalah tertakluk kepada *maṣlahah*. Walaupun nas-nas menunjukkan keharusan, namun hakikatnya

keharusan ini adalah tertakluk kepada *maṣlahah* bagi pihak kanak-kanak perempuan tersebut. Justeru, apabila tertolaknya *maṣlahah*, seperti jika berlakunya mafsadah dalam perkahwinan tersebut, maka perkahwinan tersebut adalah tertolak di sisi syarak, dan pihak yang berautoriti perlulah mengambil tindakan bagi membatalkan (fasakh) perkahwinan tersebut.

#### Hikmah Di Sebalik Kelonggaran Pensyaran *Ahliyyah* Dalam Perkahwinan

Walaupun budaya perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak dilihat sebagai sesuatu yang negatif pada hari ini, namun perkara ini tidaklah menyebabkan perkahwinan tersebut tidak diiktiraf oleh syarak.

Penulis mendapati bahawa antara *'illah* yang disandarkan oleh fuqaha dalam melonggarkan syarat *ahliyyah* perkahwinan ini adalah berdasarkan kepada *maṣlahah* kanak-kanak itu sendiri. Justeru jika terdapat mana-mana perkahwinan bawah umur yang menyebabkan kemudaratan, maka perkahwinan tersebut bukanlah perkahwinan yang tepat mengikut syariat. Tambahan pula, terdapat banyak *maṣlahah-maṣlahah* perkahwinan yang tidak dapat dihasilkan melainkan hanya dengan melalui jalan perkahwinan sahaja.

Antara *maṣlahah* utama yang boleh diharapkan terhasil daripada perkahwinan bagi kanak-kanak yang masih belum mencapai umur baligh ini adalah *maṣlahah* penjagaan kanak-kanak itu sendiri. Hal ini boleh berlaku dalam situasi anak-anak yatim atau seumpamanya yang memerlukan kepada orang ketiga untuk menjaga dan membela nasib mereka. Justeru, ikatan perkahwinanlah yang dapat memberikan jaminan kepada anak-anak tersebut untuk terus mendapat penjagaan dan perlindungan dari insan yang sewajarnya.

Selain daripada itu, *maṣlahah* keperluan hubungan seksual juga adalah antara lain yang boleh dipertimbangkan dalam keharusan perkahwinan kanak-kanak seperti yang disebutkan oleh Ibn Qudamah (1995). Walaupun kanak-kanak yang belum baligh pada kebiasaannya masih belum mempunyai keinginan seksual, namun tidak dapat dipastikan secara yakin bahawa sesungguhnya kanak-kanak yang belum mencapai umur baligh tidak mempunyai keinginan seksual secara langsung. Hal ini kerana, perasaan dan keinginan seksual adalah bersifat relatif dan berbeza-beza bagi setiap individu dan keadaan persekitaran juga turut mempengaruhi perasaan seseorang juga. Malah keinginan seksual hanya dapat dipenuhi dengan hanya melalui jalan pernikahan. Maka, wajarlah sekiranya tiada had umur tertentu sebagai syarat *ahliyyah* dalam perkahwinan.

Tambahan pula, tahap umur baligh adalah berbeza bagi setiap individu. Oleh kerana itu, jika dihadkan umur perkahwinan kepada sesuatu had umur, perkara ini akan menyebabkan ada

<sup>4</sup> Seperti pandangan Abū Bakr al-Aṣamm, Ibn Shubrumah, 'Uthmān al-Battī, dan selain daripada mereka seperti yang dijelaskan dalam pandangan kedua daripada tiga pandangan fuqaha berkenaan syarat *ahliyyah* umur dalam perkahwinan.



kemungkinan ada kanak-kanak yang telah mencapai tahap baligh namun masih dianggap sebagai kanak-kanak kerana umur mereka.

Apa yang lebih penting adalah, perkahwinan dalam Islam merupakan ikatan janji yang datang bersamanya tanggungjawab dan amanah. Setiap individu yang melangkah ke alam perkahwinan akan dibebankan ke atas bahunya tanggungjawab yang harus dilaksanakan terhadap pasangannya. Tidak seharusnya perkahwinan itu dilihat sekadar untuk memenuhi tuntutan nafsu semata-mata, malah hakikatnya perkahwinan itu merupakan suatu perkara yang padanya terdapat amanah yang besar. Adalah tidak wajar untuk hanya melihat kepada keharusan syarak bagi perkahwinan kanak-kanak tanpa dilihat dengan pandangan yang lebih luas kepada sistem kekeluargaan dalam Islam yang merupakan institusi yang terpenting dalam membina masyarakat yang baik serta generasi dan keturunan yang beriman. Hakikatnya, individu yang baik datangnya daripada keluarga yang baik, dan seterusnya masyarakat yang baik datangnya daripada keluarga-keluarga yang berkualiti.

#### KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, pengkaji merumuskan bahawa majoriti fuqaha tidak meletakkan *ahliyyah* tahap umur sebagai syarat kepada sahnya sesebuah perkahwinan. Namun begitu, perlu juga ditekankan bahawa syarak bukan hanya sekadar mengharuskan perkahwinan kanak-kanak secara mutlak, namun keharusan ini hakikatnya adalah tertakluk kepada *maṣlaḥah* bagi kanak-kanak tersebut. Berdasarkan kepada realiti yang berlaku di Malaysia, dalam urusan kebenaran perkahwinan bawah umur, Hakim Mahkamah Syariah yang memainkan peranan yang penting dalam membenarkan atau menolak sesuatu permohonan perkahwinan bawah umur. Oleh itu, menjadi tanggungjawab kepada pihak Mahkamah untuk mengenal pasti samada perkahwinan yang akan dilangsungkan kanak-kanak tersebut akan mendatangkan *maṣlaḥah* atau mafsadah kepadanya. Justeru, apabila *maṣlaḥah* tidak terhasil seperti yang diharapkan, malah sebaliknya perkahwinan tersebut menyebabkan timbulnya mafsadah dan keburukan pula, maka perkahwinan tersebut pada ketika itu bukanlah perkahwinan yang diperakui oleh syarak dan perlu dibubarkan (*fasakh*) oleh pihak yang berautoriti.

#### RUJUKAN

- Abū al-‘Abbās al-Mālikīy al-Ṣāwīy. t.th. *Bulghah Al-Sālik Li Aqrab Al-Masālik Al-Ma’rūf Bi Ḥāshiyah Al-Ṣāwī ‘alā Al-Sharḥ Al-Kabīr*. Dār al-Ma’ārif.
- Abū Dawūd Sulaymān Al-Ash’ath. 2009. *Sunan Abū Dawūd*. Edited by Shu’aib Al-Arnaūf.

- Beirut: Dār al-Risālah al-‘Ālamiyyah.
- Al-Dhahabiy, Shams al-Dīn. 2001. *Siar A’lām Al-Nubalā’*. Muassasah al-Risālah.
- Al-Nawawiy, Yaḥyā Sharaf Abū Zakariyyā. 1996. *Sharḥ Al-Nawawiy ‘alā Muslim*. Dār al-Khayr.
- Al-Naysābūriy, Muḥammad bin Ibrāhīm al-Mundhir. 2004. *Al-Ijmā’*. Edited by Fu’ād ‘Abd al-Mun‘im Aḥmad. Dār al-Muslim li al-Nashr wa al-Tawzī’.
- Al-Sharbīniy, Shams al-Dīn Muḥammad al-Khaṭīb. 1994. *Mughnī Al-Muḥtāj Ilā Ma’rifah Ma’ānī Alfāz Al-Minhāj*. Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Ṭabariy, Abū Ja’far Muḥammad Ibn Jurayr. 1988. *Jāmi’ Al-Bayān ‘an Al-Ta’wīl Ayāh Al-Qurān*. Beirut, Lubnan: Dār al-Fikr.
- Al-Zuhayliy, Wahbah. 2008. *Al-Fiqh Al-Islāmiy Wa Adillatuh*. Damsyik: Dār al-Fikr.
- Alvan Fathoni, 2017. "Perkawinan Anak di Bawah Umur dalam Perspektif Hukum Islam dan Sosiologi Hukum", *al-Turas Jurnal Studi Keislaman*, **69**.
- ‘Abd Allāh Aḥmad Muḥammad Qudāmah al-Maqdisiy. 1968. *Al-Mughnī*. Kaheerah: Maktabah al-Qāhirah.
- ‘Alā’ al-Dīn, Al-Kāsāniy Al-Ḥanafiy. 1986. *Badāi’ Al-Ṣanāi’ Fī Tartīb Al-Sharāi’*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn ‘Ābidīn, Muḥammad Amīn ‘Umar. 1992. *Radd Al-Muḥtār ‘Alā Al-Durr Al-Mukhtār*. 2nd ed. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Hazm, Abū Muḥammad ‘Aliyy Aḥmad. t.th. *Al-Muḥallā Bi Al-Āthār*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Muḥammad bin Aḥmad Shams al-A’immah al-Sarakhsiy. 1993. *Al-Mabsūṭ*. Beirut: Dār al-Ma’rifah.
- Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhāriy. t.th. *Al-Jāmi’ Al-Musnad Al-Ṣaḥīḥ Al-Mukhtaṣar Min Umūr Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ‘Alayh Wa Sallam Wa Sunanih Wa Ayyāmih*. Edited by Muḥammad Zuhayr bin Nāṣir Al-Nāṣir. Dār Ṭawq al-Najāh.
- Muḥammad Rawās Qal’ajī, Ḥāmid Ṣādiq Qunaybī. 1998. *Mu’jam Luḡhah Al-Fuqahā’*. Dār al-Nafāis li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī’.
- Noor Aziah Mohd Awal, Mohd Al Adib Samsuri, 2018. *Child Marriage in Malaysia (Working Paper)*.
- Rachel Kidman, 2017. "Child Marriage And Intimate Partner Violence: A Comparative Study Of 34 Countries", *International Journal of Epidemiology*.
- Shibīr, Muḥammad ‘Uthmān. 2007. *Al-Mu’āmalāt Al-Māliyyah Al-Mu’āṣirah Fī Al-Fiqh Al-Islāmiy*. Jordan: Dār al-Nafāis.
- Stein, J. S., 2013. "Early to Wed: Teenage marriage in post-war America", *The Journal of the History of Childhood and Youth*, 6(2).
- Nor Jana Saim et al., 2018. "Perkahwinan Remaja:

- Satu Kajian Di Kuching, Sarawak,” *Jurnal Psikologi Malaysia* 32, no. 3: 47–61.
- Sundus ‘Aliyy ‘Abbās, Nūzān Şiddīq Sulaymān. 2018. “Ḥukm Zawāj Al-Qāşirāt Fi Al-Fiqh Al-Islāmiy Wa Al-Qānūn.” In *Al-Mu’tamar Al-Duwalīy Al-Thālith Li Al-Qadāyā Al-Qānūniyyah*. Erbil: Universiti Ishik.
- UN General Assembly, 1948. “Universal Declaration of Human Rights”, United Nations General Assembly resolution.
- Za’tariy, ‘Alā’ al-Dīn. 2010. *Fiqh Al-Mu’āmalāt Al-Māliyyah Al-Muqāran: Şiyāghah Jadīdah Wa Amthilah Mu’Āşirah*. Damsyik: Dār al-‘Aşmā’.

Nurul Ain Hazram,  
*ainhazram@gmail.com*  
Jabatan Fiqh dan Usul,  
Akademi Pengajian Islam,  
Universiti Malaya  
MALAYSIA

Raihanah Azahari  
*raihan@um.edu.my*  
Jabatan Fiqh dan Usul,  
Akademi Pengajian Islam,  
Universiti Malaya  
MALAYSIA

KANDUNGAN / CONTENTS

<b>Akad Jual Beli dalam Talian Berasaskan Prinsip Fiqh Muamalat</b> <i>Contract of Sale and Purchase via Online from Fiqh Muamalat Principles</i> Roshaimizam Suhaimi, Ismail Ahmad, Mohd Hapiz Mahaiyadin, Ezani Yaakub, Jasni Sulong	1-11
<b>Aplikasi Qabd Dalam Hibah: Pandangan Fuqaha dan Pengamalan Dalam Perundangan di Malaysia</b> <i>Application of Qabd in Hibah: Fuqaha Views and Legal Practice in Malaysia</i> Noor Aini Abdullah, Noor Lizza Mohamed Said, Mohd Zamro Muda, Nasrul Hisyam Nor Muhammad	12-21
<b>Analisis Perbandingan Pandangan Fuqaha Mengenai Syarat Ahliyyah dalam Perkahwinan</b> <i>Comparative Analysis of Fuqaha's Views on The Conditions Of Ahliyyah in Marriage</i> Nurul Ain Hazram, Raihanah Azahari	22-31
<b>Perkahwinan Bawah Umur dari Perspektif Maqāṣid Al-Sharī‘ah</b> <i>Underage Marriage from The Perspective of Maqāṣid Al-Sharī‘ah</i> Nurul Ain Hazram, Raihanah Azahari	32-42
<b>Are The Limitations on Remedies Fair? A Comparative Study Between The Us Law and Islamic Law</b> Fahad Mubarak Aldossary	43-54
<b>Pembahagian Harta Pusaka dalam Kalangan Masyarakat Muslim di Negeri Sembilan: Satu Kajian Literatur</b> <i>Distribution of Inheritance Among Muslims Society in Negeri Sembilan: A Literature Review</i> Wan Nur A'ina Mardhiah Wan Rushdan, Zamro Muda, Zuliza Mohd Kusrin	55-64
<b>Keperluan Tadbir Urus Syariah di Industri Kecil dan Sederhana (IKS): Satu Tinjauan Literatur</b> <i>The Need of Shariah Governance For Small and Medium Enterprise (SME): A Literature Review</i> Abd Hakim Abd Rasid, Salmy Edawati Yaacob, Mat Noor Mat Zain	65-75
<b>Standard Penarafan Hotel Mesra Muslim Berdasarkan Maqasid Syariah: Satu Sorotan</b> <i>Muslim Friendly Hotel Rating's Standards Based on Maqasid Syariah: An Overview</i> Aziz Abidin Bin Azmi Puat, Mohammad Zaini Bin Yahaya	76-85

<p><b>Tāhā Jābir Al-‘Alwānī’s Viewpoint on Apostasy: An Analytical Study From Bangladesh Perspective</b></p> <p>Belayet Hossen, Abdul Bari Bin Awang</p>	86-94
<p><b>Kesesuaian Komponen Pendedahan Maklumat Dalam Peraturan 3 P.U. (A) 458 Untuk Transaksi Pembelian dalam Talian</b></p> <p><i>Appropriateness of The Information Disclosure Components in Regulation 3 P.U. (A) 458 For Online Purchase Transactions</i></p> <p>Amirah Madihah Binti Adnan, Zamzuri Bin Zakaria, Norhoneydayatie Binti Abdul Manap</p>	95-104
<p><b>Wakaf Sebagai Dana Alternatif untuk Pembiayaan Pendidikan Peringkat Sekolah di Malaysia: Satu Tinjauan</b></p> <p><i>Waqaf as Alternative Education Fund for School Level in Malaysia</i></p> <p>Mohd Faizal Noor Bin Ariffin, Mohammad Zaini Bin Yahaya, Abdul Basir Bin Mohamad, Amir Fazlim Bin Jusoh @ Yusoff</p>	105-113
<p><b>Konsep Fesyen Menurut Syarak Dan Kaitan Dengan <i>Tabarruj</i>: Satu Tinjauan Literatur</b></p> <p><i>A Concept of Fashion According to Islamic Law and Its Relation with Tabarruj: A Review</i></p> <p>Siti Zanariah Husain, Muhammad Adib Samsudin</p>	114-126
<p><b>Kelebihan dan Kekurangan Sukuk Blockchain: Satu Sorotan Literatur</b></p> <p><i>The Advantages and Disadvantages of Blockchain Sukuk: A Literature Review</i></p> <p>Nadhirah Sakinah Binti Sidik, Azlin Alisa Binti Ahmad</p>	127-134
<p><b>Isu Isu Syariah bagi Aplikasi Modal Teroka di dalam Koperasi</b></p> <p><i>Shariah Issues on The Application of Venture Capital in Cooperative</i></p> <p>Khairul Fatihin B Saedal Atas, Azlin Alisa Ahmad, Mohammad Zaini Bin Yahaya, Amir Fazlim Bin Jusoh @ Yusoff</p>	135-145
<p><b>Analisis Perubahan Konsep Kontrak Dalam Prosedur Pelaksanaan Produk Ar-Rahnu Dan Kesannya</b></p> <p><i>Analysis Changes Of Contract Concept In Implimentation Of Procedure Ar-Rahnu Products And Its Impact</i></p> <p>Aida Rasyiqah Binti Zulkifli, Zamzuri Bin Zakaria</p>	146-154
<p>حديث "ناقصات عقل ودين" وإشكالية التعليل به في قضايا المرأة، دراسة نقدية</p> <p><i>The Prophetic Hadith Of "Women Are Deficient In Reason And Religion" And The Problem Of Using It As A Justification In Women's Issues, A Critical Study</i></p> <p>A.B. Mahroof</p>	155-170

Journal of Contemporary Islamic Law

(2021)Vol. 6(2)

**Editor-In-Chief**

Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

**Co-Editor**

Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

**Secretary**

Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

**Senior Editor**

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad

Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad

Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad

Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah

Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin

Assoc. Prof. Dr. Mohd Al Adib Samuri

**International Editor**

Dr. Abdel Wadoud Moustafa El Saudi

Dr. Harun Abdel Rahman Sheikh Abduh

Dr. Asman Taeali

Dr. Muhammad Yasir Yusuf

Dr. Ahmad Nizam

Dr. T. Meldi Kesuma

Sarjiyanto

Shinta Melzatia

Dr. Hamza Hammad

Dr. Nazlida Muhamad

Dr. Madiha Riaz

Dr. Naveed Ahmad Lone

**Chief Managing Editor**

Dr. Mat Noor Mat Zain

**Arabic Copy Editor**

Anwar Fakhri Omar

**Bahasa Copy Editor**

Dr. Mohd Zamro Muda

Dr. Md. Yazid Ahmad

**Editor**

Dr. Mohammad Zaini Yahaya

Dr. Azlin Alisa Ahmad

Dr. Mohd Hafiz Safiai

**Published by:**

Research Centre for Sharia,

Faculty of Islamic Studies,

Universiti Kebangsaan Malaysia,

43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

**Suggested citation style:**

Author, (2021), Title, Journal of Contemporary

Islamic Law, 6(2), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

**Copyrights:**

This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Noncommercial-No Derivative Works 3.0 Unported License

(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).

You can download an electronic version online. You are free to copy, distribute and transmit the work under the following conditions: Attribution – you must attribute the work in the manner specified by the author or licensor (but not in any way that suggests that they endorse you or your use of the work); Noncommercial – you may not use this work for commercial purposes; No Derivate Works – you may not alter, transform, or build upon this work.